

Kemahiran Visualisasi Pelajar Terhadap Kognitif Abstrak Dalam Peribahasa

Noorul Khairien Binti Abdul Malek, Azerai Bin Azmi, Zawiah Binti Bahrom, Ameerul Aswad Bin Ab. Aziz, dan Gayatri A/P Marimothu

Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek, Nilai
noorul.khairien@ipgm.edu.my; azerai.azmi@ipgm.edu.my; zawiah.bahrom@ipgm.edu.my;
ameerulaswad@ipgm.edu.my; gayatri.marimothu@ipgm.edu.my

ABSTRAK

Kognitif abstrak dalam peribahasa adalah elemen yang melibatkan pemikiran yang berdasarkan makna tersirat. Peribahasa mengandungi elemen kognitif yang abstrak secara dalamnya dan perlu ditafsir ke sifat konkrit secara luarannya. Kesan kognitif boleh tergambar daripada objek pilihan yang mendasari peribahasa dengan kemahiran visualisasi. Namun, kajian mendapati bahawa kurangnya pemahaman pelajar terhadap maksud peribahasa yang menyebabkan pelajar sukar menginterpretasi maksud peribahasa. Selain itu, faktor kurang penguasaan terhadap ciri intrinsik peribahasa menyebabkan interpretasi pelajar kurang tepat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada kemahiran visualisasi pelajar terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa; dan menghuraikan mekanisme penguasaan pelajar melalui kemahiran visual terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa. Tujuannya adalah untuk mengkaji pelajar dapat memvisualisasikan makna abstrak dalam peribahasa dan menghubungkannya dengan situasi yang relevan dalam kehidupan mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan seramai lima (5) orang peserta kajian yang terdiri daripada pelajar opsyen Bahasa Melayu terlibat dan dipilih secara persampelan bertujuan (purposive sampling). Data temu bual ke atas peserta kajian dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis tema. Kajian mendapati bahawa pelajar dapat menguasai peribahasa melalui kemahiran visualisasi seperti yang digariskan dalam Teori Kognitif Visual Wiley (1990). Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar membuat interpretasi makna peribahasa melalui beberapa perwakilan visual seperti imaginasi grafik dan imaginasi leksikal. Terdapat tiga ciri yang menggambarkan imaginasi grafik iaitu ilustrasi, infografik, dan simbol manakala tiga ciri yang menggambarkan imaginasi leksikal pula adalah kolokasi, konotasi dan denotasi. Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran visualisasi membantu dalam membayangkan makna metafora, memperkuat pemahaman dan ingatan, menggambarkan hubungan antara konsep, dan memperkaya pengalaman pemahaman terhadap kognitif abstrak peribahasa.

Kata kunci: Kemahiran visualisasi, kognitif abstrak, peribahasa, mekanisme, perwakilan visual

PENGENALAN

Dalam usaha memastikan kualiti hidup dan masa depan setiap pelajar terjamin, persatuan kebajikan sosial terkemuka dunia iaitu United Nation International Children's Emergency Funds (UNICEF) telah merangkaan sebuah pelan strategik matlamat pendidikan yang dikenali sebagai Unicef Strategic Plans 2018-2021. Dalam pelan ini, perkara utama yang telah digariskan oleh pihak UNICEF adalah penguasaan aspek kemahiran serta pengetahuan oleh para pelajar bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam peluang pekerjaan. UNICEF telah menyenaraikan beberapa kemahiran kritikal penting yang perlu dikuasai oleh para pelajar dan antara kemahiran yang perlu dititikberatkan ialah kemahiran visualisasi kognitif. Visualisasi merupakan kebolehan seseorang untuk membina, memanipulasi dan mentafsirkan imej dalam kognitif yang terdiri daripada sebahagian elemen kognisi spatial dalam domain sains visual (Bertoline,1998).

Visualisasi kognitif dapat diinterpretasikan sebagai kebolehan seseorang membayangkan objek tertentu berdasarkan bentuk dan corak dan ciri-ciri intrinsik leksikal walaupun secara fizikalnya belum pernah dilihat. Selain itu, ia juga mampu membayangkan sesuatu bentuk, corak dan objek dengan menyesuaikannya dalam persekitaran dan masa yang berlainan. Kemahiran Visualisasi amat berkait rapat dengan kemampuan individu untuk melakukan gambaran teori dalam minda menerusi pengaplikasian pengalaman lepas (Roszelina, 2017). Kemahiran visualisasi penting dalam proses pembelajaran dari peringkat awal kanak-kanak kerana dapat membantu mereka memahami konsep abstrak dan membolehkan mereka menghubungkan idea-idea yang berbeza. Walaupun penguasaan kemahiran visualisasi adalah berbeza-beza mengikut tahap pengalaman individu tentang sesuatu perkara, namun, seseorang individu dipercayai dapat mentafsir sesuatu yang abstrak serta membuat keputusan dengan lebih sempurna menerusi penguasaan kemahiran visualisasi yang baik.

Kemahiran visualisasi dalam kajian ini pula dilihat dalam konteks pemahaman pelajar terhadap peribahasa merujuk kepada kemampuan seseorang untuk membayangkan atau membentuk gambaran dalam kognitif mereka ketika membaca atau mendengar peribahasa. Kemahiran ini dapat membantu seseorang pelajar memahami makna yang terkandung dalam peribahasa dengan lebih baik. Hal ini kerana, pelajar dapat membina gambaran objek atau imej dalam kognitif mereka dalam memahami maksud peribahasa. Fatimah (2015) menyatakan bahawa kemahiran visualisasi adalah merupakan salah satu komponen kognitif yang melibatkan kemahiran memproses maklumat serta membina persepsi berdasarkan maklumat tersebut. Proses ini turut melibatkan penggunaan kemahiran kognitif tahap tinggi seperti kemahiran visualisasi dan kemahiran ruang. Kemahiran visualisasi adalah kemahiran yang membentuk imej mental dalam kognitif manakala kemahiran ruang pula adalah kemahiran mengenal pasti kedudukan objek dalam ruang tiga dimensi.

Penciptaan peribahasa berdasarkan fenomena sebenar kehidupan masyarakat (Hamilton, 1947) dan turut menyerlahkan pemikiran bangsa Melayu tentang alam kehidupan yang ditempuhi oleh mereka. Peribahasa Melayu mempunyai elemen kognitif abstrak yang dicipta berdasarkan pengamatan persekitaran dan pengalaman hidup yang memancarkan nilai dan hati budi orang Melayu. Perwatakan serta sifat-sifat orang Melayu juga dapat diketahui daripada peribahasa Melayu, (Wilkinson, 1907). Malah peribahasa berperanan sebagai hukum adat dan nasihat moral dalam mengawal tindak tanduk anggota masyarakatnya. Peribahasa Melayu mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan dan pemikiran bangsa Melayu. Sebagai salah satu daripada puisi tertua yang memaparkan akal budi bangsa Melayu, penciptaan peribahasa sangat terikat dengan adat istiadat Melayu lama. Justeru, menerusi peribahasa dapat dikaji struktur sosial bangsa Melayu lama, sikap, aktiviti kehidupan serta falsafah hidup yang dianuti oleh mereka. Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2010) menyatakan bahawa peribahasa Melayu menonjolkan aspek nilai dan pemikiran Melayu serta penggunaan bahasa yang tersurat dan tersirat dalam peribahasa Melayu. Jelaslah bahawa kemahiran ini sangat diperlukan dalam memahami peribahasa kerana pelajar boleh menggunakan gambaran kognitif dan mengimplementasikan kemahiran visualisasi dalam proses pembelajaran. Seseorang pelajar yang mempunyai kemahiran visualisasi yang baik dapat membayangkan gambaran kognitif abstrak yang jelas dan terperinci ketika membaca peribahasa. Hal ini akan membantu mereka memahami makna peribahasa dengan lebih baik.

KAJIAN KEMAHIRAN VISUALISASI

Kemahiran visualisasi adalah kemampuan untuk membayangkan, menginterpretasi, dan menghasilkan gambar kognitif atau grafik dari sesuatu yang tidak terlihat oleh mata melalui ciri-ciri intrinsik leksikal (Mohd Safarin dan Muhammad Sukri, 2006). Visualisasi adalah proses visual dari sesuatu yang tidak dapat dilihat secara langsung. Kemahiran visualisasi bukan sahaja terikat kepada proses penyampaian maklumat sama ada berbentuk bahasa lisan mahupun berbentuk visual tetapi lebih kepada proses pembentukan imej dalam kognitif seseorang. Kemahiran

visualisasi ini dapat membantu pelajar untuk memahami dan menguasai kognitif abstrak dalam peribahasa. Terdapat beberapa kajian yang menyentuh kemahiran visualisasi dalam pembelajaran yang mendorong kepada kognitif abstrak pelajar bagi membentuk pemahaman dan penguasaan terhadap pembelajaran. Kajian Saadati dan Asadpour (2019) yang bertujuan untuk mengetahui penggunaan representasi visual seperti gambar, rajah dan grafik memberi kesan kepada keupayaan seseorang untuk memahami dan memahami teks abstrak. Teks yang mengandungi idea atau konsep yang sukar dilihat atau dirasai dengan deria dikenali sebagai teks abstrak yang terdapat dalam bidang sains, matematik atau falsafah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tanpa mengira tahap pendidikan, penggunaan representasi visual boleh meningkatkan pemahaman bacaan pelajar dengan kesan sederhana. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa pemahaman bacaan, gambar, rajah bergambar dan rajah alir tidak mempunyai perbezaan yang signifikan. Gambar mempunyai kesan yang lebih besar terhadap pemahaman bacaan berbanding representasi visual campuran. Selain itu, representasi visual memberi kesan yang berbeza kepada pemahaman pelajar tentang format penilaian terbuka dan campuran berbanding format penilaian betul atau salah.

Mohd Safarin dan Muhammad Sukri (2006) dalam kajiannya membincangkan konsep kemahiran visualisasi dalam pendidikan teknik dan vokasional khususnya dalam kursus-kursus berkaitan geometri deskriptif. Dalam bidang kejuruteraan, seseorang jurutera memerlukan kemahiran menvisual, iaitu kemahiran menterjemahkan imej mental dalam bentuk lisan atau grafik. Kajian ini memberikan penjelasan tentang pelbagai instrumen yang boleh digunakan untuk mengakses dan menilai kemahiran visualisasi pelajar kejuruteraan; ini termasuk ujian visualisasi ruang (SVT), ujian visualisasi ruang Purdue (PSVT), ujian mental memotong (MCT) dan ujian visualisasi mental (MRT). Walau bagaimanapun, penciptaan imej mental merupakan asas yang disampaikan melalui interaksi. Kajian mendapati bahawa pendidikan dan latihan khusus dalam bidang teknik dan vokasional boleh digunakan untuk memperoleh kemahiran visualisasi. Kajian Lee Min Foong (2008) adalah tentang pendekatan pembelajaran yang berteraskan visualisasi (VAL) dalam mempelajari Lukisan Kejuruteraan (LK). Kajian yang memfokus kepada kognitif visual ini mendapati bahawa pelajar menggunakan gabungan kaedah prinsip unjuran sepenuhnya, gambaran dan lakaran untuk menyelesaikan masalah dalam LK. Selain itu, tahap kognitif visual pelajar menaik dari memori visual kepada visualisasi dan dari memori visual kepada persepsi visual seperti yang dikategorikan dalam Teori Kognitif Visual (rujuk Rajah 1). Dengan menggunakan VAL, pencapaian pelajar dalam LK telah meningkat, dan maklum balas pelajar mengenai VAL adalah positif dan konstruktif. Kajian Othman dan Majid (2014) pula adalah tentang perkaitan kemahiran visualisasi dan prestasi matematik. Kajian menunjukkan bahawa kebolehan matematik asas seperti anggaran bilangan, perbandingan magnitud, dan pengiraan tepat dipengaruhi oleh kebolehan visualisasi. Selain itu, kajian ini mengkaji hubungan dua hala antara prestasi matematik kanak-kanak prasekolah Cina dan persepsi visual. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan timbal balik antara persepsi visual dan prestasi matematik. Secara keseluruhan, mereka menjelaskan 61% variasi dalam prestasi matematik dan 39% variasi dalam persepsi visual. Kajian Mokhtar dan Abdullah (2017) pula bertujuan untuk meneroka cara yang berbeza dalam penyelesaian masalah Matematik di sekolah menengah di Johor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyelesaian masalah dan teknik visualisasi adalah dua komponen penting dalam pembelajaran matematik di sekolah menengah. Kajian ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran penyelesaian masalah matematik dan visualisasi adalah dua aspek penting yang membantu meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran matematik. Kajian ini menekankan betapa pentingnya visualisasi dalam pembelajaran matematik kerana boleh meningkatkan pemahaman pelajar. Matematik mempunyai pelbagai jenis visualisasi, termasuk graf, jadual, carta, rajah, animasi, dan sebagainya. Dalam mata pelajaran matematik, visualisasi dilihat melalui keupayaan pelajar untuk membayangkan, menghasilkan, menginterpretasi, dan menggunakan imej visual. Kemahiran visualisasi boleh membantu pelajar menghubungkan idea abstrak dengan dunia sebenar, memudahkan komunikasi, dan meningkatkan daya ingatan.

Memfokus kepada kajian kemahiran visualisasi dalam peribahasa pula, kajian Khalid, Salleh, dan Bakar (2015) mengenai kesan latihan imej visual mempengaruhi pemahaman peribahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan linguistik kognitif mendapati bahawa peribahasa dianggap sebagai unit leksikal yang bermotivasi. Kajian ini melibatkan 60 pelajar universiti dalam tiga kumpulan rawatan yang mewakili konteks keluar, konteks dalam dan teknik imej mental. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah imej kognitif, yang menggabungkan maklumat verbal dengan imej mental, meningkatkan pembelajaran dan pengingatan peribahasa. Hal ini kerana kaedah ini menyediakan lebih banyak cara untuk mengingati maklumat verbal. Dapatan kajian Siti Humairah dan Nora'Azian (2020) pula mendapati bahawa tahap kefahaman peribahasa dalam kalangan pelajar adalah pada tahap yang baik dan memuaskan. Hal ini dibuktikan dengan pelajar dapat dan mampu memberikan makna peribahasa yang dinyatakan dengan tepat dan baik. Kajian ini merupakan kajian mengenai kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar mendapati bahawa tahap kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar UIAM Kampus Pagoh. Teori relevans digunakan dalam kajian kualitatif ini untuk menentukan sama ada pelajar menggunakan konteks, pengetahuan, dan inferens untuk memahami peribahasa. Untuk mengetahui makna peribahasa, teori relevans juga telah digunakan. Kajian menunjukkan bahawa pelajar boleh dan mampu memahami peribahasa dengan tepat dan berkesan. Faktor minat, latar belakang, pengalaman, pembelajaran, dan bahan bacaan adalah beberapa komponen yang mempengaruhi pemahaman pelajar tentang makna peribahasa. Faktor-faktor ini menyumbang kepada proses visualisasi pelajar terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa melalui leksikal yang mewakili objek atau imej yang diperoleh melalui pengalaman, pembelajaran, dan bahan bacaan.

Dalam kajian mengenai penguasaan peribahasa murid sekolah kebangsaan oleh Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017) menumpukan kepada kebolehan murid tahun enam menggunakan peribahasa dalam pemahaman dan penulisan mereka serta program untuk meningkatkan penguasaan peribahasa. Tiga program iaitu warnai gayaku, Program Juta Peribahasa dan Sehari Satu Peribahasa digunakan dalam kajian ini untuk meningkatkan penguasaan peribahasa murid sekolah kebangsaan. Kajian mendapati tiga program ini telah membantu pelajar menggunakan lebih banyak peribahasa apabila mereka menulis karangan serta boleh menggunakan peribahasa dengan tepat, bermakna, dan berkesan dalam karya mereka. Kajian mendapati bahawa murid menunjukkan pemahaman dan pengetahuan yang baik tentang makna dan fungsi peribahasa. Penggunaan kaedah pengajaran yang kreatif dan menarik merupakan salah satu cara untuk meningkatkan lagi penguasaan peribahasa oleh murid. Hal ini menunjukkan pemahaman murid terhadap peribahasa apabila murid dapat memvisualisasikan leksikal dalam peribahasa untuk memperoleh maknanya.

Kajian seterusnya menjurus kepada proses penginterpretasian peribahasa berdasarkan teori relevans yang melibatkan semua aras kemahiran kognitif oleh Hasmidar Hassan (2017) bagi melihat sejauh mana pelajar memahami peribahasa. Kajian yang melibatkan pelajar Institusi Pendidikan Guru (IPG) menunjukkan bahawa input yang sangat signifikan kerana ramai pelajar tidak memahami maksud implisit peribahasa. Kajian ini mendapati bahawa beberapa faktor menyebabkan pelajar IPG ini tidak memahami dan menginterpretasikan peribahasa. Antaranya, mereka tidak memahami makna leksikal dan perluasan maknanya; mereka tidak mempunyai maklumat latar belakang iaitu entri ensiklopedik tentang sifat atau ciri yang didukung oleh item atau peristiwa; dan mereka tidak dapat menggunakan maklumat latar belakang untuk menerapkan maklumat baharu yang mereka pelajari. Ketiadaan pengetahuan dan pemahaman ini menghalang pelajar daripada mencapai tahap kognitif yang lebih tinggi, iaitu tahap kognitif yang berkaitan dengan pengaplikasian, penilaian dan analisis. Manakala Nurul Huda et. al (2017) dalam kajian tentang keberkesanan penggunaan kaedah permainan bahasa dalam pembelajaran penterjemahan peribahasa mendapati bahawa kaedah bermain berkesan dalam meningkatkan pencapaian dan tahap minat pelajar terhadap proses P&P penterjemahan. Kajian mendapati bahawa pelajar menunjukkan perubahan yang positif terutama pelajar yang lemah apabila belajar peribahasa melalui kaedah permainan bahasa. Di akhir sesi, semua pelajar dapat

menterjemah peribahasa dengan baik dan betul. Muhamad Amirul Sahdun dan Nurul Jamilah Rosly (2021) yang mengkaji semantik kognitif dalam peribahasa Melayu bersumberkan air berdasarkan kerangka semantik kognitif (2008) yang dinyatakan oleh Imran Ho Abdullah. Dapatan menunjukkan bahawa unsur air biasanya dikaitkan dengan perkara yang suci, seperti nasihat dan pengajaran, dan juga dikaitkan dengan sifat dan sikap manusia. Pengkaji menemui empat makna teras dan sepuluh makna pinggir dalam leksikal air. Kajian itu mendapati bahawa leksikal air dalam peribahasa Melayu mempunyai dua makna: teras dan pinggir. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini mendapati bahawa elemen alam, khususnya elemen "air," mempunyai hubungan yang kuat dengan kehidupan orang Melayu. Dapatan ini jelas menggambarkan elemen kognitif abstrak dalam memahami makna leksikal dalam peribahasa yang melalui proses visualisasi.

Menelusuri kajian-kajian lepas, kemahiran visualisasi banyak digunakan dalam bidang Matematik, Sains dan Kejuruteraan seperti kajian Mohd Safarin dan Muhammad Sukri (2006); Lee Min Foong (2008); Othman dan Majid (2014); dan Mokhtar dan Abdullah (2017) bagi membantu pemahaman dan penguasaan pelajar dalam bidang tersebut. Dapat dirumuskan bahawa pengaruh gambar atau imej mempunyai kesan yang lebih besar terhadap pemahaman bacaan pelajar, penciptaan imej kognitif merupakan asas kepada visualisasi, gambaran dan lakaran digunakan bagi menyelesaikan masalah kognitif visual serta kebanyakan topik dalam Matematik dipengaruhi oleh kebolehan visualisasi. Visualisasi dalam Matematik dilihat melalui keupayaan pelajar untuk membayangkan, menghasilkan, menginterpretasi, dan menggunakan imej visual dalam menghubungkan idea abstrak dengan dunia sebenar, memudahkan komunikasi, dan meningkatkan daya ingatan.

Kajian lepas yang menjurus kepada kemahiran visualisasi dalam peribahasa seperti kajian Khalid, Salleh, dan Bakar (2015); Siti Humairah dan Nora'Azian (2020); Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017); Hasmidar Hassan (2017); dan Nurul Huda et. al (2017) memperlihatkan bahawa pelajar memerlukan kemahiran visualisasi dalam mempelajari peribahasa. Dapatan yang diperoleh menunjukkan dengan penggunaan kaedah imej kognitif dapat meningkatkan pembelajaran peribahasa. Selain itu, visualisasi pelajar terhadap leksikal dalam peribahasa dibantu melalui objek atau imej yang diperoleh melalui pengalaman, pembelajaran, dan bahan bacaan. Terdapat halangan dalam mencapai kognitif aras tinggi yang baru dipelajari oleh mereka. Ketiadaan pengetahuan dan pemahaman ini menghalang pelajar daripada mencapai tahap kognitif yang lebih tinggi, iaitu tahap kognitif yang berkaitan dengan pengaplikasian, penilaian dan analisis khususnya dalam memahami leksikal dan perluasan maknanya. Justeru, elemen kognitif abstrak perlu diterapkan dalam kemahiran visualisasi dalam memahami dan menguasai peribahasa. Kemahiran visualisasi dapat membantu kognitif abstrak pelajar dalam peribahasa kerana peribahasa ialah ungkapan yang mengandungi makna tersirat dan mendalam yang mencerminkan pemikiran, nilai dan falsafah bangsa Melayu. Untuk memahami dan menguasai peribahasa, pelajar perlu mampu membayangkan makna sebenar yang terkandung di sebalik kata-kata yang digunakan. Samsudin dan Fatimah (2004) menyatakan bahawa model mental yang dijana dari visualisasi murid boleh wujud dalam bentuk gambar, rajah, lakaran dan jadual kerana imej yang wujud dalam bentuk sebegini dapat membantu mereka memahami sesuatu yang berbentuk abstrak. Manakala Goldstein (2011) pula menyatakan bahawa penjana visual berupaya berfungsi sebagai petunjuk yang berguna untuk mendapatkan maklumat dan konsep abstrak dari ingatan dan menyimpannya semula dalam ingatan jangka panjang. Walau bagaimanapun, terdapat kajian membuktikan bahawa kurangnya pemahaman pelajar terhadap maksud peribahasa yang menyebabkan pelajar sukar menginterpretasi maksud peribahasa.

Kajian Nor Hashimah dan Junaini (2008) menunjukkan bahawa sebanyak 46.2% (390) daripada lebih 800 orang pelajar remaja Melayu yang terlibat gagal menguasai sekali gus memahami peribahasa. Kajian Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017) juga mendapati bahawa 90% responden mengaku sukar untuk memahami maksud peribahasa, manakala 60% responden tidak berminat mempelajari peribahasa dalam pemahaman dan penulisan murid Tahun Enam


serta melaksanakan program peningkatan penguasaan peribahasa. Selain itu, faktor kurang penguasaan kemahiran visualisasi terhadap ciri intrinsik peribahasa juga menyebabkan interpretasi pelajar terhadap makna peribahasa kurang tepat. Kajian Hasmidar Hassan (2017) mendapati bahawa ramai pelajar tidak memahami maksud implisit yang didukung oleh peribahasa tersebut. Kajian ini mendapati para pelajar pendidikan guru ini tidak memahami dan menginterpretasikan maksud peribahasa disebabkan oleh beberapa faktor antaranya pelajar tidak memahami makna dan perluasan makna leksikal, tiadanya maklumat latar belakang peribahasa tentang sifat atau pun ciri intrinsik yang didukung oleh sesuatu leksikal dan tidak dapat mengaplikasikan maklumat latar belakang pada maklumat baharu yang diterima. Noorul Khairien (2021) dalam kajiannya yang memfokus kepada penguasaan pelajar terhadap ciri intrinsik istilah bahasa Melayu mendapati bahawa pelajar menguasai istilah bidang khusus melalui ciri intrinsiknya yang menggambarkan konsep dan makna istilah dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan melihat kemahiran visualisasi pelajar terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa iaitu boleh menggambarkan konsep dan makna leksikal dalam peribahasa. Hal ini bertujuan untuk memahami kemahiran visualisasi mempengaruhi pemahaman dan tafsiran peribahasa, iaitu pada dasarnya ungkapan atau perumpamaan yang mempunyai makna kiasan. Maka, jurang antara pendapat dan hasil kajian ini menimbulkan persoalan tentang amalan kemahiran memvisualisasi konsep abstrak dalam kalangan guru pelatih. Bagi menjawab persoalan di atas, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kemahiran visualisasi pelajar terhadap kognitif abstrak peribahasa dalam kalangan guru pelatih major Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik. Bagi mengisi kekosongan, di samping memanfaatkan kelebihan kajian lalu, kajian ini akan mengangkat permasalahan tentang (i) mekanisme penguasaan pelajar melalui kemahiran visual terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa; dan (ii) menghuraikan faktor yang menyumbang kepada kemahiran visualisasi pelajar terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut Creswell (2002), kaedah kualitatif bukan untuk membuat generalisasi kepada populasi kajian sebaliknya bertujuan untuk meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur. Temu bual jenis ini membantu penyelidik mencungkil maklumat dan persepsi peserta kajian tentang sesuatu situasi kerana kaedah ini lebih fleksibel dengan membenarkan penyelidik mengajukan soalan balasan kepada reaksi peserta kajian terhadap soalan terdahulu untuk mendapatkan maklumat lanjut yang lebih mendalam (Noraini, 2010). Temu bual dilaksanakan secara bersemuka mengikut saranan Creswell (2008); dan Airasian (2009) bagi memastikan peserta kajian berasa selesa dan memudahkan penyelidik menyoal dan merekodkan respons yang diperoleh daripada peserta kajian dalam masa yang serentak.

Dalam kajian ini, seramai lima (5) orang peserta kajian terlibat. Pemilihan peserta kajian dibuat secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Teknik persampelan ini merujuk kepada pemilihan individu khusus berdasarkan maklumat penting yang ingin diketahui yang boleh diberikan oleh mereka atas dasar amalan yang dilaksanakan oleh mereka (Carpenter & Suto 2008). Menurut Mohd Izham dan Sufean (2009), peserta kajian perlu mempunyai keupayaan membuat refleksi dan boleh memberi penerangan dengan jelas. Berdasarkan kenyataan-kenyataan ini, penyelidik menetapkan untuk memilih peserta kajian yang dapat menyumbangkan input dan maklumat bagi membantu memahami secara mendalam mengenai perkara yang dikaji bagi memastikan kumpulan penyelidik memperoleh data secukupnya. Kumpulan penyelidik memutuskan untuk memilih lima orang pelajar opsyen Bahasa Melayu sebagai peserta kajian. Walaupun tiada peraturan khusus tentang peserta kajian dalam penyelidikan kualitatif namun jumlah peserta kajian yang kecil adalah lebih baik (Mohamad Isa 2011). Menurut Rosinah (2012), jumlah peserta yang kecil membolehkan penyelidik meneroka sesuatu isu daripada pelbagai

perspektif dengan lebih mendalam. Walau bagaimanapun, penyelidik tetap mempertimbangkan tentang persetujuan peserta kajian untuk terlibat secara sukarela dan bersedia untuk ditemu bual dalam jangka masa tertentu. Pertimbangan ini selari dengan saranan Rosinah (2012) untuk mengambil kira persetujuan peserta kajian. Dalam penyelidikan ini, data kualitatif dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis tema yang merupakan satu kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak (tema) dan dapat menerangkan data yang diperoleh dengan lebih terperinci. Penyelidik memeriksa tema dan sub tema dan menjana peta tema untuk analisis sebanyak dua kali kerana mengikut saranan Braun dan Clarke (2006), data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti versi terkini.



Gambar rajah 1. Teori Kognitif Visual (Wiley 1990).

Kajian ini disandarkan kepada teori Kognitif Visual (Wiley, 1990). Teori ini memfokus kepada mekanisme melalui visual boleh meningkatkan pemahaman dan pengolahan data kognitif. Teori ini digunakan bagi mengenal pasti kemahiran visualisasi pelajar boleh membantu mereka memahami kognitif abstrak dan peribahasa. Hal ini kerana, proses untuk memahami, mengingat, membentuk dan menyunting maklumat secara mental merupakan kognitif visual. Berdasarkan gambar rajah 1, terdapat tiga peringkat dalam tahap kognitif visual ini iaitu; seseorang perlu melalui tahap tertentu sebelum mencapai tahap kematangan visual. Persepsi visual merupakan peringkat pertama dan memerlukan pemahaman menyeluruh maklumat visual. Memori visual adalah peringkat kedua yang melibatkan penyimpanan dan capaian data visual. Visualisasi ialah peringkat ketiga, yang melibatkan reka bentuk dan modifikasi maklumat visual. Teori ini selalu diaplikasi dalam pendidikan visual, terutamanya dalam lukisan kejuruteraan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Mekanisme Penguasaan Pelajar Melalui Kemahiran Visual Terhadap Kognitif Abstrak Dalam Peribahasa

Hasil daripada temu bual yang dilakukan menjurus kepada objektif dan persoalan dalam kajian ini. Penggunaan kaedah temu bual ini membolehkan pengkaji mengumpulkan pendapat peserta kajian berkaitan dengan pemikiran dan pengalaman persekitarannya dalam bentuk pernyataan langsung daripada peserta kajian sendiri. Data yang ditranskripsikan, dianalisis secara deskriptif sesuai dengan objektif kajian, dan hasilnya lebih bersifat induktif. Data temu bual dianalisis dengan menggunakan teknik analisis kandungan berasaskan perkataan atau kod bagi

mendapatkan tema bagi menjawab objektif kajian. Kajian mendapati bahawa pelajar dapat menguasai peribahasa melalui kemahiran visualisasi seperti yang digariskan dalam Teori Kognitif Visual Wiley (1990). Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar membuat interpretasi kognitif abstrak makna peribahasa melalui beberapa mekanisme perwakilan visual seperti imaginasi grafik dan imaginasi leksikal sebagai mekanisme penguasaan terhadap peribahasa.

Imaginasi Grafik

Perkataan grafik sebenarnya berasal daripada perkataan perkataan Greek “graphikos” bererti lukisan. Grafik ialah kombinasi gambar-gambar, lambang-lambang, simbol-simbol, huruf-huruf, angka, perkataan, lukisan, lakaran yang dijadikan satu media untuk memberi konsep dan idea dari pengirim kepada sasarannya dalam proses menyampaikan maklumat. Grafik menjadi suatu bentuk komunikasi visual yang menggunakan teks atau gambar untuk menyampaikan informasi atau mesej. Tema tiga ciri yang menggambarkan imaginasi grafik iaitu ilustrasi, infografik, dan simbol. Kemahiran Visualisasi dalam konteks imaginasi grafik adalah seperti gambar rajah 2 di bawah.



Gambar rajah 2. Kemahiran Visualisasi dalam Konteks Imaginasi Grafik.

i. Ilustrasi

Ilustrasi adalah kemahiran menghasilkan bahan visual seperti lukisan, catan, foto dan apa yang bertujuan untuk menggambarkan sesuatu subjek. Ilustrasi bertujuan untuk menerangkan sesuatu makna yang diwakilkan dengan gambaran visual. Hasil dapatan ini dikukuhkan dengan pernyataan PK1 iaitu:

"Misalnya, semasa praktikum saya menggambarkan makna peribahasa dengan melukis di papan putih dengan menggunakan beberapa warna yang berlainan. Saya buat begitu kepada murid saya kerana dulu saya sendiri melukis juga bagi memaknai makna peribahasa itu...." (TB/PK1)

Kenyataan di atas menunjukkan berlakunya proses visualisasi dalam bentuk ilustrasi. Selain daripada itu, PK5 juga turut bersetuju. Hal ini dijelaskan melalui petikan di bawah.

"Melukis walaupun lukisan yang saya je faham. Nampak kelakar tapi itu lebih memudahkan saya memahami makna peribahasa yang kadang-kadang penggunaan katanya buat kita tak faham." (TB/PK5).

Membuat gambaran makna dengan melukis membuktikan bahawa kemahiran visualisasi pelajar terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa dibentuk dengan kemahiran ilustrasi. Seterusnya, didapati juga terdapat penghasilan karakter dalam ilustrasi seperti yang dinyatakan oleh PK4.

"Contohnya macam sesetengah peribahasa tu guna perkataan yang mungkin budak sekarang tak pernah dengar kan jadi saya buat karakter dalam lukisan saya untuk fahamkan maknanya. Tak kisahlah karektor tu tepat tau tak, yang penting maknanya itu saya faham melalui karektor yang saya lukis." (TB/PK4)

Kesimpulannya, keterangan dan mesej yang digambarkan secara abstrak dalam peribahasa dapat dijelaskan melalui ilustrasi dengan menggambarkan idea dan makna dalam bentuk gambar.

ii. Infografik

Infografik berperanan dalam menyebarkan maklumat atau data yang kompleks melalui satu bentuk visual yang menggabungkan unsur-unsur seperti bentuk, simbol, grafik, gambar, ilustrasi dan teks (Ozdamli & Omdal, 2018). Maklumat yang digunakan dalam infografik dipersembahkan kepada pembaca agar difahami dengan cepat dan mudah kerana menggunakan teks atau simbol yang ringkas. Pendapat ini dikukuhkan lagi dengan dapatan kajian pernyataan PK1 iaitu :

"Saya menggunakan infografik dalam mengajar peribahasa kerana terdiri daripada jumlah maklumat yang ringkas dan warna yang menarik dan sesuai dengan reka bentuk berarahan membantu belajar memahami makna sesuatu peribahasa dengan cepat dan mudah. Contohnya saya menggambarkan peribahasa tentang Cinta dengan menggunakan infografik hati atau menggunakan gambar burung terbang untuk menggambarkan peribahasa tentang kebebasan." (TB/PK1)

Kenyataan PK1 ini turut disokong oleh kenyataan PK2 yang mengatakan infografik dapat meningkatkan kemahiran visualisasi pelajar terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa. Berikut merupakan jawapan daripada PK2;

"Bagi saya infografik merupakan satu teknik pembelajaran peribahasa yang sangat fleksibel kerana infografik dapat membantu pelajar belajar peribahasa secara visual agar topik tersebut dapat difahami dengan lebih baik dengan melihat gambar dan tulisan yang tidak terlalu padat." Contohnya, saya menggunakan infografik sudu untuk menerangkan peribahasa yang menggunakan perkataan sudu. Malahan saya juga hanya menggunakan gambar nasi untuk mencungkil jawapan pelajar tentang peribahasa yang berkaitan dengan perkataan nasi." (TB/PK2)

Dengan penggunaan infografik pelajar lebih memahami, mengingat, dan menerapkan peribahasa dengan lebih baik. Melalui gambar, simbol, dan ilustrasi, infografik dapat membantu menghubungkan peribahasa dengan situasi kehidupan nyata atau contoh konkrit, sehingga mempermudah pemahaman pelajar. Hal ini turut diakui oleh PK3 dalam temu bual.

"Saya berpendapat infografik ini telah mencipta pengalaman dan pembelajaran yang bermakna. Saya membina infografik seperti Canva, Piktochart dan Venngage agar peribahasa yang disampaikan kerana menggalakkan pelajar menggunakan pelbagai aplikasi dalam talian dan berpeluang meneroka pengalaman baharu. Dengan melihat infografik berkait dengan peribahasa, siswa dapat menghubungkannya dengan makna dan konteks yang sesuai. Sebagai contoh melalui infografik seorang pemuda yang menuang air di atas daun keladi, pelajar dapat menghubungkannya dengan peribahasa bagai mencurahkan air ke daun keladi." (TB/PK3)

PK4 menyatakan bahawa infografik mampu menarik visualisasi pelajar dan membuatkan pelajar aktif dalam kelas.

"Berdasarkan pengalaman saya, penggunaan infografik yang menarik boleh meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran peribahasa. Dengan menggunakan reka bentuk visual yang menarik, infografik dapat menjadikan

pembelajaran peribahasa lebih menyeronokkan dan interaktif. Ini dapat menggalakkan penyertaan pelajar, meningkatkan minat mereka, dan pelajar sangat aktif dalam PdPc tentang peribahasa." (TB/PK4)

Infografik dalam peribahasa dapat membantu dalam pengembangan keterampilan visual seseorang dan memperkuat pemahaman kognitif abstrak apabila gambar yang digunakan adalah relevan dengan isi pelajaran yang diajarkan kerana pelajar lebih cenderung dan mudah mengingat dan memahami peribahasa ketika mereka dapat memvisualisasikannya melalui warna yang membuatkan pemahaman abstrak lebih mudah dijangkau secara visual." Hal ini turut dinyatakan oleh PK5 dalam TB 5.

"Saya menggunakan infografik yang berwarna untuk melambangkan peribahasa dan ini membantu pelajar mengaitkan representasi visual dengan peribahasa. Infografik ini dapat membantu pelajar memahami dan mengingat peribahasa dengan cara yang kreatif dan interaktif. Contohnya gambar cendawan dan hujan yang ditunjukkan mampu membantu pelajar mengingat peribahasa bagi cendawan tumbuh selepas hujan." (TB/PK5)

Kesimpulannya, keterangan dan mesej yang digambarkan secara abstrak dalam peribahasa dapat dijelaskan melalui infografik dengan menggambarkan idea dan makna dalam bentuk gambar.

iii. Simbol

Simbol merupakan objek yang mewakili atau memberi maksud ataupun melambangkan, sebuah idea, imej visual, kepercayaan, tindakan, atau entiti material. Simbol juga mengambil kira bentuk perkataan, bunyi, gerak isyarat ataupun imej visual, dan digunakan untuk menyampaikan idea dan kepercayaan. Sebagai contoh, sebuah oktagon berwarna merah dapat menjadi simbol "BERHENTI". Pada peta, gambar garpu dan sudu mungkin melambangkan tempat makan. Angka ialah simbol bagi nombor. Nama peribadi pula simbol mewakili individu.

Dalam kebudayaan Barat, mawar merah mewakili kasih sayang. Hasil dapatan kajian diperkuat dengan pernyataan PK1:

"Saya dapat memahami peribahasa "Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat kerana simbol bulat itu melambangkan keutuhan atau kerjasama." (TB/PK1)

Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa PK1 menggunakan simbol untuk memvisualisasikan maksud peribahasa. Kenyataan jelas menunjukkan bahawa penggunaan dapat memudahkan proses memahami sesuatu peribahasa.

"Saya selalu menggunakan simbol dan memvisualisasi dalam mendapatkan maksud peribahasa. Hal ini kerana saya merasakan penggunaan simbol itu lebih mudah bagi saya memahami maksud sesuatu peribahasa." (TB/PK2)

Berdasarkan temu bual dengan PK2, jelas menunjukkan bahawa simbol-simbol digunakan untuk menggambarkan atau mewakili peribahasa tertentu dengan cara memvisualisasi dan mudah difahami. Simbol-simbol ini boleh mempunyai tafsiran yang berbeza bergantung pada konteks peribahasa yang digunakan. Hal ini digambarkan oleh PK3 yang menyatakan bahawa;

"Saya dapat memahami bahawa lambang burung boleh melambangkan kebebasan dalam peribahasa. Namun, dalam konteks peribahasa yang menceritakan kepandaian, burung juga boleh diertikan sebagai lambang kepintaran atau sifat ingin tahu." (TB/PK3)

Hal ini menunjukkan pentingnya untuk mempertimbangkan konteks dan makna peribahasa secara keseluruhan apabila menggunakan simbol dalam visualisasi. Dalam temu bual bersama-sama PK4 pula mendapati bahawa proses memvisualisasi menggunakan simbol lebih mudah kerana dapat memahami peribahasa dengan lebih cepat.

“Saya mengenal pasti simbol yang sesuai dengan maksud peribahasa. Kemudian saya fikirkan objek atau imej yang boleh mewakili konsep atau idea yang dikaitkan dengan peribahasa tersebut. Contohnya, jika peribahasa berkaitan dengan kehidupan.” (TB/PK4)

Berdasarkan temu bual tersebut menunjukkan bahawa penggunaan simbol oleh responden digunakan dalam mengenal pasti maksud peribahasa. Responden kemudian menghubungkan kait simbol-simbol yang difikirkan dengan imej yang dapat memberikan makna peribahasa khususnya peribahasa yang berkaitan dengan kehidupan. Dapatan ini turut disokong dengan temu bual bersama PK5;

“Saya sentiasa menyemak atau mengenal pasti simbol-simbol yang sesuai dalam mendapatkan maksud peribahasa. Simbol-simbol ini saya susun dan membuat gambaran agar dapat mentafsir maksud peribahasa yang betul.” (TB/PK5)

Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan simbol ini dapat meningkatkan kemahiran responden dalam menguasai peribahasa.

Dapatlah dirumuskan bahawa imaginasi grafik memainkan peranan penting dalam pemahaman maksud peribahasa. Kemahiran ini dicapai melalui mekanisme ilustrasi, infografik dan simbol. Hal ini dapat membantu pelajar untuk membina gambaran mental yang jelas dan memudahkan mereka untuk memahami makna peribahasa. Selain membina gambaran mental, imaginasi grafik turut membina model mental, gambaran mental yang kompleks dan gambaran model yang abstrak.

Selain itu, visualisasi grafik dapat membantu dalam pemahaman peribahasa secara lebih jelas dan konkrit. Dengan menggunakan gambar atau grafik yang relevan, pelajar dapat mengaitkan makna peribahasa dengan situasi atau objek yang lebih mudah difahami. Dalam pada itu, imaginasi grafik dapat memperkaya interpretasi pelajar terhadap peribahasa. Hakikatnya, peribahasa mungkin memiliki makna berganda atau konsep abstrak yang sukar dijelaskan dengan kata-kata. Dengan bantuan grafik, pelajar dapat menampilkan aspek-aspek peribahasa yang sukar difahami secara visual, sehingga memudahkan mereka untuk menginterpretasikan makna yang lebih mendalam.


Grafik dapat memberikan gambaran yang lebih kuat dan berkesan dalam mengingat peribahasa. Dengan mengasosiasikan peribahasa dengan gambar yang mengesankan, pelajar dapat memperkuat ingatan mereka terhadap peribahasa tersebut. Hal ini dapat membantu pelajar untuk mengingat dan mengaplikasikan peribahasa dengan lebih baik dalam komunikasi sehari-hari. Sehubungan itu, imaginasi grafik dapat mempermudah komunikasi antara budaya. Dalam konteks silang budaya, peribahasa seringkali sukar difahami oleh orang yang tidak berasal dari budaya tersebut. Namun, dengan menggunakan grafik yang dapat merangkumi konsep atau situasi yang dijelaskan oleh peribahasa, kita dapat membantu mereka dari budaya yang berbeza untuk memahami makna dan konteks dari peribahasa tersebut. Selain itu, grafik juga dapat menjadi alat kreatif untuk mengekspresikan peribahasa. Dalam beberapa hal, penggunaan grafik atau ilustrasi untuk menggambarkan peribahasa dapat menghasilkan interpretasi yang unik dan menarik. Hal ini dapat menginspirasi pemikiran kreatif dan perspektif yang berbeza terhadap peribahasa yang sudah dikenali secara umum.

Kesimpulannya, imaginasi grafik dapat menjadi alat yang berguna dalam memahami dan mengkomunikasikan peribahasa dengan lebih efektif dan berkesan. Hal ini kerana dengan menggabungkan aspek visual dengan kata-kata, kita dapat meningkatkan pemahaman,

mengingat, dan mengaplikasikan peribahasa dengan lebih baik dalam kehidupan sehari-hari. Justeru, imaginasi grafik, membantu pelajar membuat keputusan berdasarkan kefahaman dan pengetahuan mereka dalam memproses maklumat. Hal ini kerana dengan imaginasi grafik membolehkan pelajar menggunakan lambang visual yang memiliki karakteristik tertentu untuk menimbulkan efek tertentu yang sukar diungkapkan secara verbal bagi memahami maksud peribahasa.

Imaginasi Leksikal

Dapatan kedua mekanisme penguasaan pelajar melalui kemahiran visual terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa adalah melalui imaginasi leksikal. Terdapat tiga tema ciri yang menggambarkan imaginasi leksikal iaitu kolokasi, konotasi dan denotasi. Kemahiran visualisasi dalam konteks imaginasi leksikal adalah seperti gambar rajah 3 di bawah.



Gambar rajah 3. Kemahiran Visualisasi dalam konteks imaginasi leksikal.

i. Kolokasi

Abdul Wahab (2014) mendefinisikan kolokasi adalah aspek bahasa yang dijelaskan sebagai urutan kata yang mengiringi kata tertentu. Dengan kata lain, kolokasi ialah kombinasi antara dua unit makna yang berasingan tetapi mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Manakala maksud kolokasi menurut Crowther et al. (2002) dijelaskan sebagai langkah menggabungkan beberapa perkataan dalam suatu bahasa untuk menghasilkan ungkapan dalam pertuturan dan penulisan seperti penutur natif. Kolokasi juga ditakrifkan sebagai kewujudan hubungan kedudukan antara satu perkataan dengan yang lain dalam satu susunan (misal dalam ayat); berkolokasi (bagi sesuatu kata yang) kerap kelihatan bersebelahan (berdekatan) antara satu sama lain (Baharom, 2015). Dalam kolokasi, kata-kata tersebut sering kali memiliki hubungan makna yang erat atau biasanya terkait dalam penggunaan bahasa sehari-hari. Kolokasi dapat terjadi dalam pelbagai tahap, seperti tahap kata, frasa, atau kalimat. Kolokasi dan pemahaman peribahasa memiliki kaitan dalam konteks penggunaan kata-kata dalam bahasa. Peribahasa adalah ungkapan atau frasa yang mengandungi makna khusus dan sering digunakan dalam bahasa untuk menggambarkan suatu situasi atau memberikan nasihat. Peribahasa sering kali menggunakan kata-kata dalam pola kolokasi yang khas. Dalam peribahasa, kata-kata yang digunakan bersama-sama membentuk ekspresi yang memiliki makna figuratif atau kiasan. Contoh peribahasa yang melibatkan kolokasi termasuk;

"Sambil menyelam minum air" (kata kerja "sambil menyelam" dengan kata benda "air").

Kemampuan untuk mengenali kolokasi yang umum dalam peribahasa akan membantu dalam memahami, menginterpretasi, dan menggunakan peribahasa dengan benar dalam percakapan

atau tulisan. Kolokasi berperanan dalam memberi pemahaman terhadap peribahasa melalui aktiviti menghubungkan makna. Kolokasi dalam peribahasa membantu menghubungkan kata-kata yang digunakan dan membentuk kesatuan makna khusus. Melalui pemahaman kolokasi, pelajar dapat melihat bagaimana kata-kata tersebut saling terkait dan membentuk makna yang berbeza daripada makna secara *literal*. Selain itu, kolokasi dalam peribahasa juga memberikan konteks yang diperlukan untuk memahami makna peribahasa secara keseluruhan. Kata-kata yang digunakan bersama-sama dalam kolokasi memberikan petunjuk tentang situasi atau objek tertentu yang terkait dengan peribahasa tersebut. Dalam masa yang sama, kolokasi berperanan mengungkapkan kiasan. Kolokasi dalam peribahasa sering kali memiliki makna kiasan atau figuratif yang tidak dapat difahami secara *literal*. Melalui pola kolokasi yang digunakan dalam peribahasa, pelajar dapat menemukan penggunaan kata-kata yang mengandungi konotasi atau makna tersirat iaitu makna sebenar peribahasa berkenaan. Berikut ini adalah contoh temu bual yang memperlihatkan bagaimana kolokasi dapat membantu pemahaman PK3 tentang peribahasa;

“Saya memahami peribahasa “lautan api” dengan menyifatkan lautan dengan kata-kata seperti “besar”, “dalam”, dan “biru”. Biasanya, “lautan” bersifat luas dan banyak air. “Api” pula bersifat panas, bahaya, dan merah. Jadi, saya memahami peribahasa “lautan api” melalui kata-kata “lautan” dan “api” yang menghasilkan gambaran tentang situasi yang sangat berbahaya dan menakutkan.” (TB/PK3)

Jelaslah bahawa dengan memahami kolokasi yang digunakan dalam peribahasa, pelajar dapat memahami maksud peribahasa dengan lebih tepat dan mendalam. Pemahaman kolokasi memungkinkan pelajar untuk melihat bagaimana kata-kata terkait dalam peribahasa tersebut berinteraksi dan membentuk makna yang lebih kompleks daripada makna *literal*nya.

ii. Konotasi

Konotasi ditakrifkan sebagai asosiasi atau idea yang dimaksudkan oleh sesuatu perkataan atau ungkapan selain maknanya yang tersurat. Hubungan konotasi dan peribahasa ialah konotasi dapat memberikan dimensi yang lebih mendalam kepada pemahaman atau tafsiran peribahasa tersebut. Apabila kita mendengar atau membaca peribahasa, konotasi boleh mempengaruhi cara kita mentafsir dan merasakannya. Konotasi dalam peribahasa boleh memperkayakan makna dan menambah nuansa emosi yang boleh berbeza-beza bergantung kepada konteks. Contohnya, peribahasa “Air yang tenang, jangan disangka tiada buaya.” mempunyai konotasi amaran bahaya atau potensi masalah yang mungkin timbul di tempat yang kelihatan tenang. Konotasi ini membawa maksud berhati-hati dan berhati-hati. Zabedah Mohammed dan Shaiful Bahri Md Radzi (2020) dalam kajian mereka tentang konotasi bunga dalam peribahasa Melayu mendapati bahawa bunga dan wanita ditautkan secara khusus dengan mempertalikan nama bunga dan sifatnya dengan wanita seperti bunga dedap dan bunga tahi ayam. Selain itu, konotasi bunga yang kembang cerminan wanita yang mempunyai sifat-sifat yang baik dari segi rupa paras atau pun perilakunya. Bunga kembang juga melambangkan wanita yang memiliki ketinggian budi bahasa serta konotasi anak dara yang manis dan perawan.

Konotasi dalam peribahasa juga boleh memberi makna sosial dan budaya kepada pemahaman kita. Peribahasa selalunya mengandungi makna yang lebih luas dan lebih universal, tetapi konotasi serantau atau budaya boleh membantu kita mengaitkan peribahasa dengan pengalaman hidup dan budaya tertentu. Justeru, konotasi dan peribahasa saling berkaitan kerana konotasi dapat memperkayakan makna peribahasa, menjadikannya lebih hidup, dan membolehkan kita menerokai hikmah dan nilai yang lebih mendalam daripada mesej yang ingin disampaikan. Dapatan ini disokong oleh PK4 dalam temu bual.

“Untuk memahami maksud peribahasa "sakit hati," konotasi kata "sakit" menunjukkan adanya rasa emosi sakit atau kekecewaan yang mendalam. Dengan memahami maksud tersurat itu, saya dapat mengaitkan peribahasa ini dengan situasi seseorang yang bukan sahaja emosinya terluka malah seseorang itu turut berasa kecewa secara fizikalnya.” (TB/PK4)

iii. Denotasi


Dalam konteks peribahasa, denotasi masih merujuk pada makna *literal* atau harfiah dari perkataan atau frasa yang digunakan dalam peribahasa tersebut. Peribahasa ialah ungkapan atau kalimat yang mengandungi makna kiasan atau konotasi tertentu, namun denotasi di sini tetap memfokuskan kepada makna dasar atau sebenarnya daripada kata-kata yang digunakan dalam peribahasa. Meskipun peribahasa seringkali mengandungi makna kiasan atau makna tambahan yang lebih mendalam, denotasi ialah aspek dari peribahasa yang tetap bersifat harfiah atau *literal*. Sebagai contoh, peribahasa seperti ayam berkokok di tengah pasar dan makna harfiah bagi peribahasa ini ialah ayam yang berkokok di tengah-tengah pasar. Bagi peribahasa, "hitam matanya, biru dadanya" membawa maksud mata seseorang berwarna hitam dan dadanya berwarna biru. Namun, makna sebenarnya daripada peribahasa ini ialah seseorang yang tampak lurus atau tidak berdusta. Selain itu, bagi peribahasa, "di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung" mempunyai makna denotasi iaitu langit selalu berada di atas dan bumi di bawah. Namun sebenarnya maksud peribahasa tersebut ialah menghargai dan menghormati tempat di mana kita tinggal atau berkunjung. Denotasi dalam peribahasa memberikan asas makna yang tersurat sebelum kita menyelami atau memahami konotasi atau makna kiasan yang tersirat dari peribahasa tersebut. Dapatan ini disokong oleh PK1.

"Contohnya, dalam peribahasa 'sambil menyelam minum air,' denotasi kata 'sambil' merujuk perlakuan melakukan dua hal sekaligus, dan denotasi kata 'menyelam' merujuk kepada perbuatan berenang di dalam air. Dalam situasi konkrit, saya dapat membayangkan seseorang sedang berenang sambil minum air. Dari situ, saya memahami peribahasa ini sebagai ungkapan melakukan dua perkara yang berbeza dalam suatu masa yang sama." (TB/PK1)

Kesimpulannya, imaginasi leksikal turut memainkan peranan yang penting dalam pemahaman maksud peribahasa. Kemahiran ini dapat dicapai melalui mekanisme kolokasi, konotasi dan denotasi. Hal ini dapat membantu pelajar untuk membina gambaran mental yang jelas, gambaran mental yang kompleks serta gambaran model yang abstrak dan secara langsung, memudahkan mereka untuk memahami makna peribahasa. Justeru, melalui imaginasi leksikal pelajar dapat membuat keputusan berdasarkan kefahaman dan pengetahuan masing-masing dalam memproses maklumat dan menggunakan kemahiran bahasa yang mempunyai pendekatan tertentu.

Faktor yang Menyumbang Kepada Kemahiran Visualisasi Pelajar Terhadap Kognitif Abstrak dalam Peribahasa

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran visualisasi dalam peribahasa melalui kognitif abstrak membantu pelajar dalam memahami peribahasa. Kemahiran visualisasi juga meningkatkan kebolehan pelajar untuk menghubungkan peribahasa dengan situasi yang relevan dengan kehidupan. Kajian ini turut mendapati pelajar yang memiliki kemahiran visualisasi yang tinggi adalah lebih berkesan dalam memahami peribahasa dan kognitif abstrak berbanding dengan pelajar yang mempunyai kemahiran visualisasi yang rendah. Namun, latihan visualisasi dapat membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran visualisasi pelajar dalam memahami peribahasa dan kognitif abstrak. Selain itu, penggunaan teknologi visual juga turut dapat meningkatkan kemahiran visualisasi pelajar dalam memahami peribahasa dan kognitif abstrak terutamanya kepada pelajar yang secara semula jadinya mempunyai kemahiran visualisasi yang rendah.



Gambar rajah 4. Faktor yang mempengaruhi kemahiran visualisasi.

Secara langsungnya, didapati pelajar yang lebih baik dalam kemahiran visualisasi mempunyai prestasi akademik yang lebih baik dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan kognitif abstrak. Secara umumnya, faktor-faktor seperti umur, jantina, atau latar belakang budaya dapat mempengaruhi kemahiran visualisasi pelajar dalam memahami peribahasa dan kognitif abstrak. Namun, kajian ini mendapati terdapat tiga faktor yang dapat dikenal pasti mempengaruhi kemahiran visualisasi pelajar dalam memahami peribahasa adalah seperti pengalaman dan pengetahuan pelajar, pendedahan dan latihan pelajar serta pengajaran dan pembelajaran guru (rujuk gambar rajah 4).

Dari aspek pengalaman dan pengetahuan, kajian mendapati pelajar yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas tentang dunia sekeliling, budaya, nilai dan falsafah bangsa Melayu akan lebih mudah membayangkan makna tersirat dalam peribahasa. Pelajar tersebut juga lebih mudah menghubungkan peribahasa dengan konteks yang sesuai dan memahami implikasi dan kesannya. Manakala, dari aspek pendedahan dan latihan pelajar pula, kajian mendapati pelajar yang sering terdedah dan dilatih dengan peribahasa Melayu akan lebih mahir dalam menafsirkan dan menggunakan peribahasa. Pelajar tersebut juga akan lebih peka terhadap unsur-unsur bahasa, budaya dan pemikiran yang terkandung dalam peribahasa. Melalui kajian ini juga, didapati pendedahan dan latihan kepada pelajar boleh dilakukan melalui bacaan, perbincangan, penulisan dan persembahan.

Tidak dapat dinafikan juga, guru turut memainkan peranan penting dalam membantu pelajar mengembangkan kemahiran visualisasi terhadap kognitif abstrak dalam peribahasa. Peranan tersebut dimainkan apabila guru menggunakan pelbagai kaedah, strategi, bahan dan aktiviti yang sesuai untuk menarik minat, meningkatkan kefahaman dan menggalakkan pemikiran kritis pelajar terhadap peribahasa. Selain itu, guru juga boleh memberikan maklum balas, bimbingan dan sokongan kepada pelajar untuk meningkatkan keyakinan dan kemahiran mereka. Kesimpulannya, pengalaman dan pengetahuan pelajar, pendedahan dan latihan pelajar serta pengajaran dan pembelajaran guru adalah merupakan faktor yang dapat membantu meningkatkan kemahiran visualisasi dalam peribahasa melalui kognitif abstrak untuk membantu pelajar dalam memahami peribahasa.

KESIMPULAN

Kemahiran visualisasi memainkan peranan penting dalam memahami dan mengolah kognitif abstrak peribahasa. Hal ini kerana kemahiran ini membantu membayangkan makna metafora. Peribahasa sering kali mengandungi makna metafora iaitu kata-kata digunakan secara kiasan untuk menyampaikan pesanan atau konsep yang lebih mendalam. Kemampuan visualisasi memungkinkan kita membayangkan atau membentuk gambaran mental tentang makna metafora ini. Misalnya, dalam peribahasa "membuka pintu hati," kemampuan visualisasi membantu kita membayangkan proses membuka pintu secara *literal*, tetapi dalam konteks peribahasa ini, pintu hati bermaksud pada membuka diri secara emosional. Selain itu, kemahiran ini turut memperkuat pemahaman dan ingatan. Hal ini kerana dengan menggunakan kemampuan visualisasi, pelajar dapat mengaitkan peribahasa dengan gambaran visual yang kuat. Perkara ini membantu memperkuat pemahaman pelajar tentang peribahasa tersebut dan membuatnya lebih mudah diingat. Dengan membayangkan gambar atau situasi yang bersesuaian dengan peribahasa, pelajar dapat mengaitkan makna dengan gambaran visual secara lebih efektif.

Hubungan antara konsep turut dapat digambarkan melalui kemahiran ini. Visualisasi dapat membantu pelajar menggambarkan hubungan antara konsep yang terlibat dalam peribahasa. Dengan membayangkan atau menggambarkan elemen-elemen peribahasa secara visual, pelajar dapat melihat bagaimana konsep-konsep tersebut saling berhubung dan berinteraksi. Misalnya, dalam peribahasa "menghadapi badai," kemampuan visualisasi dapat membantu kita membayangkan badai sebagai tentangan atau kesulitan, sementara menghadapinya berarti berani menghadapi dan mengatasi masalah. Penguasaan kemahiran visualisasi membolehkan pelajar memperkaya pengalaman pemahaman. Visualisasi membantu pelajar merasakan dan mengalami peribahasa dengan lebih mendalam. Dengan membayangkan atau menggambarkan peribahasa dalam bentuk visual, pelajar dapat mengasosiasikan perasaan, situasi, atau konteks yang relevan dengan peribahasa tersebut. Hal ini memperkaya pengalaman pemahaman pelajar dan membuatnya lebih hidup dan nyata.

Dari aspek implikasi, kajian ini membincangkan kesan ke atas teori dan pengetahuan yang berkaitan dengan visualisasi dan kognitif abstrak. Berdasarkan dapatan kajian, penyelidikan ini menyokong dan memperkuat Teori Kognitif Visual (Wiley, 1990). Penguatan dan kerelevanan Teori Kognitif Visual (Wiley, 1990) dibuktikan dengan dapatan tema ciri yang menggambarkan imaginasi grafik iaitu ilustrasi, infografik, dan simbol serta tema ciri yang menggambarkan imaginasi leksikal iaitu kolokasi, konotasi dan denotasi. Kesemua tema ini menerangkan tentang reka bentuk dan modifikasi maklumat yang diperolehi daripada pemahaman menyeluruh maklumat visual serta melibatkan penyimpanan dan capaian data visual. Secara langsung, dapatan ini membuktikan kerelevanan Teori Kognitif Visual (Wiley, 1990) yang menyatakan bahawa seseorang individu perlu melalui tiga tahap tertentu sebelum mencapai tahap kematangan visual. Selain daripada itu, melalui dapatan hasil temubual penyelidikan ini juga dapat menerangkan makna persepsi visual dan memori visual melalui tema-tema yang dijelmakan. Secara langsungnya, hasil dapatan penyelidikan ini adalah dapat memperkaya secara ilmiah *the body of knowledge* berkaitan visualisasi dan kognitif abstrak.

Kesimpulannya, kemahiran visualisasi berperanan penting dalam kognitif abstrak peribahasa kerana membantu dalam membayangkan makna metafora, memperkuat pemahaman dan ingatan, menggambarkan hubungan antara konsep, dan memperkaya pengalaman pemahaman kita. Justeru, dengan menghubungkan makna peribahasa dengan gambaran visual yang kuat, seseorang dapat memperdalam pemahaman, memperluas asosiasi dan konteks, serta merangsang kreativiti dalam memahami dan menerapkan peribahasa secara efektif.

RUJUKAN

- Ab Rahim, R., Hassan, R., & Haron, S. H. (2016). Visualisation skills and mathematical problem-solving ability among primary school students. *Journal of Education and Practice*, 7(32), 84-89.
- Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using Thematic Analysis In Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2): 77-101.
- Carpenter, C. & Suto, M. 2008. *Qualitative Research for Occupational and Physical Therapists: A Practical Guide*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Creswell, J. W. 2002. *Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*. University of Nebraska: Pearson Educational International.
- Creswell, J. W. 2008. *Educational Research; Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. Third Edition*. University of Nebraska: Pearson Educational International.
- Fatimah Ismail. (2015). Kemahiran Menvisualisasi Ruang dalam Kalangan Pelajar bagi Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual. Tesis Sarjana: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Gay, L. R. & Airasian, P. 2009. *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. New Jersey: Merill.
- Goldstein, B. (2011). *Cognitive psychology: Connecting mind, research and everyday experience (Edisi ke-3)*. Belmont: Cengage Learning.
- Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017). Penguasaan peribahasa dalam kalangan murid sekolah kebangsaan. *Pertanika MAHAWANGSA*, 4 (2). pp. 345-360. ISSN 2289-7259.
- Khalid, S., Salleh, S. M., & Bakar, K. A. (2015). The effect of visual imagery training on Malay idioms comprehension. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 197, 214-220.
- Khalid, S., Salleh, S. M., & Bakar, K. A. (2015). The effect of visual imagery training on Malay idioms comprehension. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 197, 214-220.
- Lee Ming Foong (2008). Pendekatan Pembelajaran Berteraskan Visualisasi bagi Lukisan Kejuruteraan dalam Topik Pandangan Tambahan Berasaskan Kognitif Visual. Tesis PhD., Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Izham Mohd Hamzah & Sufean Hussin. 2009. *Pengurusan Perubahan Terancang Dalam Pembastarian Sekolah Proses Pelaksanaan Polisi*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Mohd. Safarin Nordin dan Muhammad Sukri Saud (2006) Kemahiran visualisasi: Kemahiran kognitif tahap tinggi dalam pendidikan teknik dan vokasional. Dalam *Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik Dan Vokasional*, 1-10.
- Mohammad Isa Aziz. (2011). Pertautan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya dalam Kalangan Pelajar Universiti serta Hubungannya Dengan Yakin Diri dan Eksploitasi Diri. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, M. Z., & Abdullah, N. A. (2017). Visualization skills of secondary school students in solving mathematical problems. *International Journal of Education and Research*, 5(4), 99-110.
- Noorul Khairien Abdul Malek (2021). Penguasaan pelajar terhadap ciri intrinsik istilah kejuruteraan Bahasa Melayu berdasarkan teori terminologi sosiokognitif. Tesis PhD., Universiti Putra Malaysia.
- Othman, N., & Majid, F. A. (2014). Exploring the relationship between visualisation skills and mathematical performance. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 123, 448-455.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan. (2008). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik. Jilid 10: Edisi Khas*.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Mohamed, A. (2018). Abstraksi Objek Konkrit dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 18(2), 197-218.
- Roszeline Rahman (2017). Visualisasi Penjanaan Kendiri: Pendekatan Grounded Theory untuk Meneroka Kefahaman Pelajar Biologi terhadap Konsep Kitar Karbon. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Saadati, F., & Asadpour, M. (2019). The effect of visual representation on reading comprehension of abstract texts. *International Journal of Instruction*, 12(3), 129-142.
- Samsudin Drahman & Fatimah Saleh. (2004). Visualisasi dalam penyelesaian masalah Matematik berayat. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 19(1), 47-66.
- Siti Humairah Abdul Rahaman dan Nora'Azian Nahar (2020). Kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh. *International Young Scholars Journal of Languages*. E-ISSN 2735-2900.
- Rosinah Edinin. (2012). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah Dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Yusuf, M. O., & Olaleye, F. O. (2018). The effect of visualization strategies on students' achievement and interest in geometry. *Journal of Education and Practice*, 9(6), 81-88.
- Zabedah Mohammed & Shaiful Bahri Md Radzi (2020) Konotosati Bunga dalam Peribahasa Melayu. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 17. No.3 (2020), 31-45 ISSN: 1823-884.